

13 JAN 1999

Annuar-Pasukan

PASUKAN PETUGAS KHAS SELIA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Kabinet hari ini membuat keputusan untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas untuk Pembangunan Luar Bandar bagi memastikan keberkesanan projek dan program berkaitan pembangunan luar bandar di seluruh negara.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata pasukan tersebut akan diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan akan dianggotai oleh beberapa kementerian lain yang keahliannya akan diputuskan oleh Perdana Menteri.

Beliau berkata laporan pelbagai perkara berkaitan pembangunan luar bandar seperti pembasmian kemiskinan, projek infrastruktur dan masalah pekebun kecil ialah antara perkara yang akan dilaporkan kepada pasukan petugas ini yang seterusnya melaporkan kepada kabinet dan Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

"Kita menganggap ini sebagai satu perkembangan positif kerana dengan adanya pasukan ini kita akan dapat memastikan segala masalah yang berkaitan dengan pembangunan luar bandar dapat diatasi dengan lebih berkesan lagi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kementerian itu hari ini.

Annuar berkata pasukan petugas itu merupakan sebahagian daripada jawatankuasa Kabinet mengenai Pembangunan Luar Bandar yang ada sekarang.

Masalah berkaitan agensi Kementerian Luar Bandar yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan program serta projek dan kemajuan beberapa program juga harus dilaporkan kepada pasukan ini.

Sambil menyifatkan penubuhan pasukan ini sebagai satu rangsangan yang kena pada masanya, beliau berkata penubuhan juga untuk mengawasi secara terperinci masalah berkaitan dengan pembangunan luar bandar terutama sekali yang melibatkan taraf hidup rakyat luar bandar.

"Ianya juga menggambarkan perhatian serius Perdana Menteri serta jemaah menteri tentang keberkesanaan projek-projek luar bandar," katanya.

Annuar berkata Dr Mahathir mahu mendapat maklumat berterusan kerana mahu memastikan iaitu selaras dengan prinsip pentadbiran mesra rakyat, masalah orang kampung walaupun kecil, tetap diberikan perhatian yang sewajarnya.

Annuar berkata pada mesyuarat kabinet hari ini beliau turut mengemukakan secara terperinci laporan prestasi perjalanan Projek Jalan Kampung (PJK) dan kabinet telah memberikan persetujuan kepada rancangan kementerian untuk meneruskan pelaksanaan PJK secara besar-besaran dengan menggunakan sistem payung, tetapi dengan sedikit pengubahsuaian bagi mengatasi kelemahan yang ada.

Beliau berkata sejumlah 3,888 PJK yang melibatkan kos RM225 juta akan dilaksanakan di seluruh negara tahun ini dengan pembinaan sebenar bermula Mac dan dijangka siap pada awal Julai ini.

"Ini adalah satu rekod kerana kementerian hanya berupaya menyiapkan 2000 projek dalam masa lapan bulan pada 1998, dan sejumlah 1000 projek pada 1997," katanya.

-- BERNAMA

RV MAI